

10 JUL 1999

ANGGOTA PAS TERIMA UGUTAN

KOTA BAHARU, 10 Julai (Bernama) -- Anggota PAS Zainal Abidin Mat Yusof yang baru-baru ini membuat kejutan dengan memasang kain pemedang "PAS bukan sebuah parti Islam" mendakwa telah menerima ancaman bunuh tiga hari lepas.

Zainal Abidin berkata ancaman yang berbunyi "kasi potong dia punya leher bagi mampus" ditulis pada keratan akhbar nasional berbahasa Melayu yang menyiarkan berita dan gambarnya yang merentang kain pemedang itu.

Beliau menerima keratan akhbar itu beserta sebuah pita rakaman ucapan yang mencerca Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Sultan Kelantan melalui perkhidmatan Pos Laju dipercayai dari Kuala Lumpur pada pukul 12 tengah hari Rabu lepas, katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, hari ini.

Beliau membuat laporan polis di Ibu Pejabat Daerah Polis Kota Baharu di sini pada pukul 10.45 pagi ini.

Zainal Abidin, 55, ahli Jawatankuasa PAS cawangan Kedai Mulong, memasang kain pemedang itu merentangi Jalan Kuala Krai yang merupakan laluan utama dari ibu negeri menuju ke selatan, berhampiran pekan Mulong pada 5 Julai lepas.

Zainal Abidin, yang menjadi anggota PAS sejak 1958, memasang kain pemedang berkenaan sebagai bantahan secara terbuka terhadap dasar dan pimpinan PAS yang sudah terpesong daripada perjuangan asal.

Katanya, beliau tidak gentar dengan ugutan seumpama itu dan akan terus menjelajah ke seluruh negeri untuk membantah tindakan PAS menjalin kerjasama dengan DAP, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) dan Parti Rakyat Malaysia (PRM).

-- BERNAMA

MNR AKD